

20/06/2000

Melayu perlu ubah nasib

ANAK yang terlalu dimanjakan biasanya akan bersifat suka meminta-minta. Lantas, apabila sesekali mendapat teguran keras, merajuk dan merengeklah anak berkenaan. Sama ada disukai atau tidak, demikian jugalah sifat kebanyakan orang Melayu sejak sekian lama. Berpegang kepada kepercayaan bahawa hak ketuanan adalah sesuatu yang bersifat kekal dan tidak boleh diganggu-gugat, orang Melayu terus dilalaikan oleh pelbagai keistimewaan yang selama ini menjadi milik mereka. Bukan menghairankan ramai yang melatah apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA, Sabtu lalu, menyatakan orang bukan Melayu tetap berpeluang menjadi Perdana Menteri. Reaksi terhadapnya adalah pelbagai - daripada menganggapnya sebagai suatu ugutan hinggalah kepada rumusan ia tidak wajar.

Jauh daripada merelakan kepemimpinan negara terlepas kepada kaum lain, Dr Mahathir sebenarnya mahukan orang Melayu segera bangkit daripada lamunan. Orang Melayu, pada pandangan Perdana Menteri, tidak harus lagi mengharapkan untuk terus dimanja dengan subsidi serta pelbagai bantuan dan keistimewaan. Bezanya, selama ini sudah terlalu kerap nasihat dan tunjuk ajar diberikan tetapi tidak banyak meninggalkan kesan. Perubahan yang diharap-harapkan, baik dari segi sikap, budaya kerja yang baik dan permuafakatan, sekadar kekal menjadi harapan. Bertitik-tolak dari situ, Dr Mahathir memilih untuk melakukan kejutan dengan harapan orang Melayu akan benar-benar berasa tercabar untuk bangkit mempertahankan hak dan ketuanan.

Seharusnya, orang Melayu mencerminkan diri sendiri daripada hanya pandai menyuarakan bantahan. Dan jika direnung sedalam-dalamnya, maka orang Melayu harus sedar terlalu banyak perubahan yang perlu dilakukan. Perjalanannya mungkin masih terlalu panjang yang memerlukan orang Melayu mengorak langkah dari sekarang. Ke arah itu, orang Melayulah yang harus mengubah nasib mereka sendiri daripada menjadi pemerhati dan cemburukan kejayaan kaum lain. Satu-satunya pilihan yang ada ialah dengan bersatupadu dan meningkatkan usaha selain mengelakkan percakaran sesama sendiri berhubung perkara remeh-temeh yang kesudahannya hanya akan merugikan bangsa sendiri.

(END)